

DATE: 13 / 04 / 2008

## Segera buat peralihan kuasa – Mahathir

KAJANG 12 April – Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan peralihan kuasa daripada pucuk kepimpinan tertinggi dilakukan sekarang tanpa perlu menunggu Perhimpunan Agung UMNO, Disember ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, proses tersebut perlu berjalan segera supaya peralihan yang telah dirancang berjalan lancar.

Katanya, beliau khawatir sekiranya peralihan kepimpinan dilakukan pada Perhimpunan Agung UMNO, akan ada kumpulan perwakilan yang mendesak Abdullah untuk meletakkan jawatan di pentas perdebatan.

Jika itu berlaku, jelasnya, sudah tentu imej Abdullah akan tercalar dan sekali gus boleh membuatkan ahli-ahli UMNO secara keseluruhan berasa hilang hormat kepadanya.

“Mesej rakyat dan ahli UMNO sekarang ini cukup jelas. Mereka mahu Pak Lah

(Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) letak jawatan. Oleh itu, kita tidak mahu beliau turun secara paksaan dan antaranya, melalui desakan-desakan perwakilan ketika Perhimpunan Agung nanti.

“Lebih baik beliau menyerahkan jawatan itu kepada Najib (Datuk Seri Najib Tun Razak) sekarang dan itulah yang terbaik. Saya percaya selepas berlaku peralihan itu nanti, situasi akan menjadi bertambah baik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah bertajuk ‘Krisis Kepimpinan Melayu Pasca PRU-12: Di mana Silapnya?’ anjuran Gabu-

ngan Cawangan-cawangan UMNO Hulu Langat di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa Abdullah selaku Presiden akan berbincang dengan Najib mengenai pelan peralihan kuasa.

Muhyiddin berkata, Abdullah memberitahu perjumpaan tertutup dengan Badan Perhubungan UMNO Johor bahawa beliau akan berbincang secara terperinci mengenai pelan tersebut dengan Najib.

Dr. Mahathir berkata, semua pihak harus sedar usaha untuk memulihkan UMNO memerlukan masa yang panjang, dan langkah melengah-lengahkan peralihan kuasa tersebut hanya akan merugikan parti.

Katanya, beliau mengimpikan peralihan yang akan berlaku itu sama seperti yang dilaluinya pada tahun 2003.

“Saya sayangkan UMNO dan saya mahu parti ini terus relevan,” katanya.

Ditanya siapakah yang paling layak untuk memegang jawatan Perdana Menteri dan Presiden parti jika Abdullah benar-benar meletak jawatan, beliau berkata, mengikut tradisi, Najib merupakan calon paling sesuai.

“Saya bercakap dalam konteks tradisi. Apabila seorang Presiden berundur, yang menggantikannya sudah tentu timbalannya dan inilah yang berlaku di dalam UMNO selama ini.

“Bagi saya peralihan kuasa yang dirancang ini merupakan langkah permulaan kita untuk memulihkan UMNO. Kita harus mengakui rakyat semakin menjauhi UMNO,” katanya lagi.



MAHATHIR